KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	03.03.22	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JPSM			

Pengusaha kelulut nafi bongkar isu balak

MARAN: Seorang pengusaha ladang kelulut di Taman Sri Keramat di sini menafikan terlibat membawa beberapa individu bagi membongkar aktiviti pembalakan yang didakwa berlaku di Bukit Makro di sini.

Selepas isu pembalakan di Bukit Makro terbongkar, pengusaha agropelancongan Taman Mini Kelulut Lestari, Ramli Md. Arof, 63, dilempar pelbagai fitnah sehingga menjejaskan kedatangan pengunjung dan penjualan produk Bitaly Kelulut Farm diusahakannya itu.

"Demi Allah, saya tidak tahu kedatangan mereka untuk membongkar pembalakan itu. Saya hanya melayan kedatangan mereka yang saya anggap seperti pengunjung lain," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Disebabkan itu, timbul isu mendakwa perusahaannya dibina di atas tanah haram sehingga menyebabkan satu notis ditampal di ladangnya sebagai amaran penerokaan hutan secara haram yang ditujukan kepada umum.



RAMLI Md. Arof menjadikan tapak mata air sebagai tempat menternak 15 sarang kelulut tanpa menjejaskan alam sekitar di kawasan berkenaan. - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

"Saya mengusahakan Taman Mini Kelulut Lestari ini sejak 2019 dan mendapat peruntukan kerajaan dalam usaha menjadikan taman mini ini sebagai daya tarikan," katanya.

Jelasnya, dia mengakui lokasi taman mini kelulut berkenaan terletak di atas tanah digazetkan sebagai tapak perumahan namun telah membuat permohonan untuk Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

Selain itu, Ramli turut difitnah individu tertentu yang mendakwa dia meletakkan pagar bagi mengaut keuntungan dengan mengenakan tiket bayaran.

"Selama dibuka, ia tidak pernah dipagar, malah saya tidak pernah membuka kaunter bayaran melainkan mereka yang hendak mandi di kolam mata air yang saya sediakan bagi tujuan penyelenggaran. Itu pun cuma RM2 sepanjang hari namun kebanyakan tiada bayaran dikenakan," katanya.